

**Agong Dan Permaisuri Terima Darjah Kebesaran Thailand
Bernama
2 Sept, 2013
Daripada Norhayati Mohd Akhir**

HUA HIN (Thailand), 2 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan menerima pingat kebesaran Thailand daripada Putera Mahkota Thailand, Putera Maha Vajiralongkorn.

Majlis pengurniaan tersebut diadakan di Istana Klai Kangwon di sini Isnin dan turut dihadiri Puteri Maha Chakri Sirindhorn serta beberapa pegawai istana.

Seri Paduka Baginda dikurniakan darjah kebesaran 'The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand)' manakala Raja Permaisuri Agong dikurniakan darjah kebesaran 'Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of the Chula Chom Klao (Thailand)'.

Pada Selasa, Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah akan menerima menghadap Perdana Menteri Thailand, Yingluck Shinawatra manakala pada sebelah malam baginda berdua akan menghadiri majlis santapan negara di Dewan Chakri Throne di Istana Besar di sini.

Lawatan Seri Paduka selama tiga hari ke negara jiran ini bertujuan memperkukuh hubungan persahabatan serta kerjasama sedia ada antara Malaysia dan Thailand.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974601>